



JAWATAN : PEMANDU KENDERAAN  
GRED : H11  
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA  
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEMAHIRAN

**JADUAL GAJI:**

<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
RM 1,218.00	RM 2,939.00	RM 80.00

**ELAUN:**

Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM 95.00  
Imbuan Tetap Perumahan : RM 300.00  
Bantuan Sara Hidup : RM 350.00

**SYARAT LANTIKAN:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah/PT3 atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;  
(ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan  
(iii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:
    - Lesen D : RM1, 264.15
    - Lesen E/E1/E2 : RM1, 310.30
    - Lesen F/H : RM1, 356.45
    - Lesen G/I : RM1, 402.60

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah dan Bahasa Melayu (Bertulis) pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Calon lantikan hendaklah juga memiliki Lulus (sekurang-kurangnya Gred D) dalam subjek Matematik pada peringkat Penilaian Menengah Rendah dan Lulus (sekurang-kurangnya Gred E) Matematik pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Mendapat sekurang-kurangnya peringkat 'D' dalam (3) empat mata pelajaran yang lain pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau sekurang-kurangnya peringkat 'E' dalam (3) empat mata pelajaran yang lain pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
5. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TARAF JAWATAN : TETAP / KONTRAK**

**LOKASI : UTM Johor Bahru**

#### **CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:**

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian (online) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temuduga dijalankan. **(Pengesahan oleh Pegawai Kerajaan Gred A dan keatas).**
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak Berjaya.
7. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Rekod Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini melalui pos kepada :

**Seksyen Perjawatan dan Kenaikan Pangkat**  
**Bahagian Sumber Manusia**  
**Jabatan Pendaftar**  
**UTM Johor Bahru**  
**81310 Johor Bahru**  
**Johor.**

**SYARAT TAMBAHAN:**

1. Keutamaan kepada calon yang mempunyai lesen seperti berikut dan berstatus AKTIF:
  - i. **Lesen H** - Boleh memandu Traktor / Jentera Bergerak Berat (Beroda) tanpa muatan melebihi 5000 kg.
  - ii. Lesen Memandu Barangan (GDL)
  - iii. Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV)
2. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.
3. Calon yang aktif dalam bidang sukan adalah digalakkan untuk memohon.
4. Boleh bekerja secara kreatif dan inovatif.
5. Sahsiah
  - i. Mempunyai disiplin diri yang positif.
  - ii. Berketerampilan baik dan kemas.
  - iii. Semangat kerja berpasukan dan kerjasama yang tinggi.
  - iv. Sentiasa fokus kepada tugas yang dipertanggungjawabkan.
  - v. Bersedia menerima beban tugas yang lebih mencabar.
  - vi. Komitmen kerja yang sangat tinggi dan sanggup menjalankan tugas di luar waktu pejabat.
  - vii. Berkemampuan melaksanakan tugas melebihi tugas hakiki.
  - viii. Berkemampuan bekerja dalam apa jua situasi (*work under pressure*).
  - ix. Bersedia melaksanakan tugas dengan penuh integriti, akauntabiliti dan ikhlas.

**DESKRIPSI TUGAS :**

1. Bertugas menjalankan skop kerja pemanduan kenderaan dan jentera yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan. Juga menjaga kenderaan atau jentera yang berada di bawah kelolaannya agar selalu berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan atau jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, *dumper*, *roller*, traktor pertanian, *forklift*, *prime mover*, *transfer crane*, *transtainer crane*, *straddle crane*, *kangaroo crane*, *gantry crane*, *lifting crane* dan *levelling crane*.
2. Memandu kenderaan UTM bagi setiap urusan rasmi yang diarahkan.
3. Menjalankan kerja-kerja di lapangan yang melibatkan penambahbaikan infrastruktur, memindah, mengangkut, mengalih dan menyusun apa juga jenis beban.
4. Memastikan kenderaan dan peralatan di bawah jagaan berada di dalam keadaan baik dan bersih setiap masa.

5. Bertanggungjawab menjaga keselamatan kenderaan dibawah tanggungjawab.
6. Bertanggungjawab mengemaskini buku 'Log' kenderaan dan memasukkan kenderaan ke workshop untuk tujuan pemeriksaan dan selenggara.
7. Bertanggungjawab mematuhi undang-undang jalan raya dan mematuhi pengendalian Borang Am 1993 mengenai laporan kemalangan.
8. Memastikan sentiasa berhemah dan berwaspada semasa mengendalikan kenderaan dan jentera.
9. Memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.
10. Sentiasa berwaspada dan berhemah semasa mengendalikan kenderaan dan jentera
11. Bertanggung jawab sepenuhnya dalam urusan penyelenggaraan kenderaan, pembaharuan cukai jalan dan insuran. Melapor setiap kerosakan pada kenderaan, selenggara kenderaan mengikut jadual dan bertanggung jawab bagi urusan menghantar / mengambil kenderaan / membuat tindakan susulan bagi kenderaan yang dihantar untuk diselenggara.
12. Melaksanakan tugas-tugas rasmi lain yang di arahkan oleh Pegawai dari masa ke semasa.

**Bagi memastikan kenderaan dapat digunakan:**

1. Kenderaan hendaklah di servis, mengikut tempoh dan jarak yang disyorkan oleh pembuat kenderaan.
2. Melaporkan dengan segera kepada Pegawai jika berlaku apa-apa kerosakan.
3. Sebelum enjin dihidupkan:  
Paras minyak selinder enjin, minyak brek, cluth, air radiator, air bateri, angin tayar semuanya mencukupi, tali kipas, semua cermin dan lampu dibersihkan.
4. Selepas enjin dihidupkan pastikan:  
Brake, lampu brake, lampu isyarat, lampu meter, charging wiper, lampu kenderaan, meter minyak, hand brake, hon dan meter suhu berfungsi dengan baik.
5. Memastikan minyak kenderaan sentiasa mencukupi bagi kegunaan rasmi.